

Headline	HDC tubuh Bank IP industri halal pertama		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	06 Apr 2012	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	192,982
Page No	e2	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	352 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,871
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,613



HDC tubuh Bank IP industri halal pertama

37 hak harta intelek berkaitan produk sudah diberi, empat berjaya dikomersialkan

Mahanum Abdul Aziz

HALAL Development Corporation (HDC) telah menubuhkan Bank Harta Intelek (IP) pertama bagi industri halal global bertujuan mengumpul idea serta inovasi berkaitan industri itu yang sedia untuk dikomersialkan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, setakat ini 37 IP berkaitan halal telah dihasilkan dan empat sudah berjaya dikomersialkan.

Beliau berkata, penubuhan Bank IP itu adalah satu lagi kejayaan bagi Malaysia dalam mempromosikan industri halal di peringkat antarabangsa dan ia juga melengkapi ekosistem bagi industri halal di negara ini.

"Semua idea berkaitan inovasi halal akan ditempatkan di bawah Bank IP dan ia akan diuruskan HDC," katanya pada sidang media selepas menutup Sidang Kemuncak Penyelidikan Halal Dunia 2012 (WHR 2012) di Kuala Lumpur semalam.

Mustapa berkata, pihaknya berharap jumlah IP berkaitan halal yang sedia untuk dikomersialkan akan meningkat pada masa depan sejajar dengan peningkatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dibuat penyelidik tempatan.

Katanya, ketika ini banyak universiti dan pusat penyelidikan tempatan sudah menjalankan kajian dalam membangunkan produk halal.

Penubuhan Bank IP itu

juga adalah sebahagian daripada pelan besar yang diilhamkan HDC untuk berkongsi inovasi yang berpotensi dengan seberapa ramai yang mungkin.

Apabila semua idea inovasi itu ditempatkan dalam Bank IP, pangkalan data mengenai produk yang sedia untuk dikomersialkan boleh dilihat menerusi laman web HDC, yang kini sudah menerima kira-kira 12 juta pelawat.

Sempena WHR 2012, HDC menganjurkan Pameran Inovasi WHR dengan kerjasama Agensi Inovasi Malaysia bagi mempamerkan produk prototaip halal.

Pameran itu menjadi platform kepada organisasi penyelidikan untuk mempromosikan kajian dan memperkenalkan produk baru kepada komuniti halal global.

Produk prototaip halal yang dipamerkan itu adalah yang diusahakan komuniti R&D daripada universiti tempatan termasuk Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Malaysia (UTMM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaysia Perlis.

Pada majlis penutup WHR 2012 itu turut diadakan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara KFC Holdings (Malaysia) Bhd dan HDC bagi memperkenalkan program melatih pekerja bagi industri halal yang dikenali sebagai Program Eksekutif Halal.

WHR 2012 berjaya menarik 700 peserta termasuk pegawai R&D, ahli akademik, ahli perniagaan dan penggiat industri dalam sektor makanan dan bukan makanan.

Sidang kemuncak dua hari itu mengetengahkan 12 pembentang kertas kerja tempatan dan antarabangsa dan pameran disertai 13 universiti dan syarikat penyelidikan.



Penubuhan Bank IP itu adalah satu lagi kejayaan bagi Malaysia dalam mempromosikan industri halal di peringkat antarabangsa

Mustapa Mohamed

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri



KETUA Pegawai Eksekutif HDC, Datuk Seri Jamil Bidin (kiri) dan Pengarah Urusan KFC Holdings, Jamaludin Md Ali bertukar dokumen sambil diperhatikan Mustapa di Kuala Lumpur, semalam.